

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 LATARBELAKANG MASALAH

Sesungguhnya telah menjadi satu kewajipan bagi setiap individu muslim menjaga iman dan aqidahnya dari sebarang kecacatan, kerosakan dan kesesatan. Rosaknya iman itu disebut sebagai *riddah* yang telah digariskan pengertiannya oleh ulama-ulama Islam. Antaranya al-Qalyūbī (M-864H) dan al-Syāfi‘e al- Saghīr (M-1004H) telah mengemukakan takrif murtad yang bermaksud:

*“Memutuskan ataupun memisahkan dari diri seseorang melalui niat atau perkataan atau perbuatan yang membawa kepada kekufuran”*.<sup>1</sup>

Justeru itu seseorang dianggap *riddah* apabila berpaling daripada Islam setelah beriman samada melalui iktiqad, perkataan ataupun perbuatan yang bercanggah dengan dasar-dasar Islam. Manakala individu yang terlibat dinamakan murtad. Ia merupakan seburuk-buruk akhlak dan sekeji-keji bentuk kekufuran manusia kepada Allah s.w.t.

---

<sup>1</sup> Qalyūbī wa ‘Umāīrah, *Hāsyiah ‘alā Minhāj al-Tālibīn*, (1995), Dār al-Fikr, Meşir, Jld. 4 hal 174. Syams al-Ddīn Muḥammad bin Abī ‘Abbās, *Nihāyah al-Minhāj Ilā Syarḥ al-Minhāj*, (1948), Dār al-Fikr, jld. 4, hal. 133

Fenomena murtad merupakan kemuncak kepada permasalahan yang berlaku terhadap seseorang muslim. Bahkan seseorang itu akan kekal buat selama-lamanya di dalam neraka sekiranya dia mati dalam keadaan murtad. Ini dijelaskan oleh firman Allah yang berbunyi:

ومن يرتدد منكم عن دينه فيمت وهو كافر فأولئك حبطت أعمالهم في الدنيا والآخرة، وأولئك أصحاب النار هم فيها خالدون<sup>2</sup>.

Yang bermaksud:

*“Barang siapa yang murtad di antara kamu dari agamanya, lalu dia mati dalam kekafiran maka mereka itulah yang sia-sia amalannya di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya”*

Di dalam sistem perundangan Islam, kesalahan murtad dikategorikan sebagai satu jenayah yang dikanunkan di bawah kesalahan hudud. Pesalahnya akan dihukum dengan hukuman yang keras iaitu mandatori hukuman bunuh sebagaimana yang telah disabdakan oleh Rasulullah s.a.w.

من بدل دينه فاقتلوه<sup>3</sup>

Yang bermaksud:

*“Barang siapa yang menukar agamanya (murtad) maka hendaklah dibunuh”*

---

<sup>2</sup> Al-Baqarah: 217

<sup>3</sup> Al-Aşqalānī, al-Ḥāfiẓ Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajr, (773-852H), *Fath al-Bārī, Syarh Şḥāḥ al-Bukhārī*, ( t t ), (Kitab Istatābab al-Murtaddīn wa al-Mū‘anidin waqatalah) No. ḥadīs. 8, hal. 54

Berdasarkan kepada hadis tersebut jelas menyatakan bahawa penjenayah murtad itu hendaklah dibunuh samaada samada lelaki ataupun perempuan, muda ataupun tua. Demikianlah pendapat *jumhūr* ulama<sup>4</sup>

Manakala Imam Abū Ḥanīfah telah mengecualikan orang perempuan yang murtad dari dibunuh. Sebaliknya menggesa agar ianya bertaubat dan kembali semula kepada Islam, sekiranya tetap enggan maka dipenjara sehingga mati.<sup>5</sup>

Menurut al-Imam al-Syāfi'e, seseorang yang murtad itu terlebih dahulu diminta supaya dia bertaubat dan kembali kepada Islam dalam tempoh tiga hari. Jika sekiranya tetap enggan barulah dijatuhkan hukuman bunuh bersesuaian dengan hadis Nabi tersebut<sup>6</sup>.

Berdasarkan huraian di atas, jelas menunjukkan bahawa seseorang yang telah sabit dengan hukuman murtad hendaklah dijatuhkan hukuman *hadd* ke atasnya iaitu hukuman bunuh.

Merujuk kepada perkembangan gejala murtad di Lembah Klang, berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan media dan laporan-laporan terkini dari pelbagai pihak didapati kadar jenayah murtad di kalangan umat Islam yang tinggal di Lembah Klang ini semakin meningkat dari masa ke semasa.

---

4 Al-Ḥattāb, Muḥammad Ibn 'Abd. Al-Rahmān, (954 M), *Mawāḥib al-Jalīl Li Syarh Mukhtaṣar Khalīl*, (tt), Qaherah, jld 6, hal 279.

5 Al-Imām 'Alā' al-Ddīn Abī Bakar bin Mas'ūd, *Bada'ī' al-ṣana'īf*, (1974), Dār al- Kitāb al-'Arabī, jld. 7, hal. 135.

6 Syams al-Ddīn Muḥammad bin Abī 'Abbās, *Nihāyah al-Minhāj Ilā Syarah al-Minhāj*, (1948), Dār al- Fikr, jld. 7, hal 389.

Fenomena ini menjadi lebih hangat diperkatakan apabila berbagai-bagai pihak telah mula membentangkan angka murtad yang berlaku di Malaysia. Contohnya pihak Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Selangor mengeluarkan statistik seramai 30.000 orang. Ini disusuli pula dengan kenyataan yang dibuat oleh Mufti Wilayah Persekutuan seramai 3000 orang. Manakala saudara Saleh bin Omar (Seorang Padri Kristian yang memeluk Islam) mendedahkan angka seramai 12.000 orang dan JAKIM seramai 519 orang yang murtad daripada Islam.<sup>7</sup>

Walaupun bagaimanapun masalah murtad yang sedang hangat diperkatakan oleh pelbagai pihak ini sememangnya dapat dibendung dan diatasi jika sekiranya satu bentuk mekanisme pengurusan dakwah yang cekap, komited dan konsisten dilaksanakan terutama oleh pihak institusi-institusi dakwah dan kebajikan. Ini terbukti daripada tinta sejarah yang telah membuktikan bahawa fenomena murtad telah berjaya dibendung pada zaman Rasulullah s.a.w. yang memerintah negara Islam Madinah sehingga membentuk satu masyarakat Islam yang harmonis dan berwibawa.

Apa yang penting ialah usaha membanteras gejala murtad daripada terus merebak perlu kepada satu bentuk mekanisme pengurusan dakwah yang mantap dan berkesan samada dalam soal teknikal mahupun perlaksanaannya. Oleh itu kajian disertasi ini secara khususnya mengkaji kepada sejauhmanakah pengurusan dakwah yang telah dilaksanakan terutamanya oleh institusi-institusi dakwah seperti Jabatan

---

<sup>7</sup> Zaharuddin bin Hj. 'Abd Rahman, (Bekas Presiden Gabungan Mahasiswa Islam Semenanjung. GAMIS), *Fokus Isu-Isu Dalam Negara*; Tumpuan Secara Ringkas Mahasiswa Negara, Kertaskerja ini dibentangkan di Konvensyen Mahasiswa Negara '99, bertempat di Dewan Pusat Pengajian Jarak Jauh Universiti Putra Malaysia pada 14 Jun 1988. Penulis alan mengutarakan tentang data murtad secara terperinci pada bab tiga disertasi ini.

Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dalam usaha mereka menangani masalah murtad di Lembah Klang.

Sebagai kesimpulannya ruanglingkup kajian disertasi ini menfokuskan kepada dua objektif utama, pertama, yang dianggap paling penting dan utama ialah mengkaji sejauhmanakah program, pelaksanaan dan pengurusan dakwah yang telah dan sedang dijalankan oleh institusi-institusi dakwah yang dikaji serta perancangan mereka samaada yang melibatkan program jangka pendek mahupun program jangka panjang dalam usaha membanteras gejala murtad daripada terus menular di kalangan umat Islam. Justeru itu bagi memantapkan lagi kajian ini penulis juga turut menjalankan kajian perbandingan terhadap institusi-institusi tersebut bagi menghasilkan satu kajian yang lebih mantap dan tepat.

Fokus kedua yang dikaji di dalam disertasi ini ialah perkembangan tentang fenomena murtad yang berlaku di Lembah Klang terutamanya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Analisa ini dibuat berdasarkan kepada dokumen-dokumen rasmi serta temubual dengan pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan usaha mereka membanteras gejala murtad.

## 1.2 PENGERTIAN TAJUK

Tajuk yang telah dipilih oleh penulis untuk dijadikan bahan kajian disertasi ialah “Peranan Institusi Dakwah Dalam Menangani Masalah Murtad di Lembah Klang”. Berikut dinyatakan huraian terperinci mengenai tajuk.

### 1.2.1 Peranan:

Pemain sandiwara, pelawak dan pelakon iaitu pekerjaan dan tugas yang dipegang.<sup>8</sup>

### 1.2.2 Institusi:

Institusi bermaksud badan atau organisasi yang ditubuhkan untuk tujuan tertentu seperti institusi pengajian tinggi ataupun institusi maktab<sup>9</sup>

### 1.2.3 Dakwah:

Menurut Kamus Dewan, dakwah ditakrifkan sebagai:

*Dakwah merupakan kegiatan menyeru dan membimbing (mendidik dan sebagainya) serta meyakinkan secara baik dalam usaha mempengaruhi orang lain supaya menyedari(menghayati) dan mengamalkan ajaran agama yang sebenarnya<sup>10</sup>*

---

<sup>8</sup> Teuku Iskandar, *Kamus Dewan*, (1994), Kuala Lumpur: DBP, edisi ketiga, hal 1011

<sup>9</sup> *Ibid*, *Kamus Dewan*, hal 494

<sup>10</sup> *Ibid*, *Kamus Dewan*, hal 263

#### 1.2.4 Menangani:

Menurut kamus Dewan, perkataan menangani berasal daripada perkataan menang. Seterusnya ditambah imbuhan ‘ani’. Menangani bererti beroleh kejayaan ataupun berjaya menghasilkan ataupun mengalahkan<sup>11</sup>

#### 1.2.5 Murtad:

Penulis mengemukakan takrif murtad yang telah dikemukakan oleh Sa’id Hawwā kerana lebih relevan dan menepati realiti masa kini dengan katanya:

*“Murtad seseorang itu boleh berlaku dengan seseorang itu tunduk dan patuh kepada orang-orang kafir, reda dengan dasar-dasar yang ditentukan oleh mereka walaupun sebahagian kecil daripadanya. Ini kerana ianya membabitkan soal keimanan dan keyakinan seseorang terhadap ajaran Islam yang datang dari Allah”<sup>12</sup>.*

#### 1.2.6 Kajian:

Perkataan kajian diambil dari kata dasar ‘kaji’. Seterusnya ditambah imbuhan ‘an’. Kajian bererti proses atau sebarang usaha untuk menghasilkan sesuatu natijah ataupun keputusan.<sup>13</sup>

---

<sup>11</sup> *Ibid*, Kamus Dewan, hal 876

<sup>12</sup> Sa’id Hawwā, *Judd Allāh: Thaqāfatan wa akhlāqan*, Dār al-Fikr, (t.t), Jordān, hal. 13

<sup>13</sup> Teuku Iskandar, *Kamus Dewan, op-cit*, hal 561

### 1.2.7 Lembah Klang:

Lembah Klang merupakan kawasan yang luas yang meliputi kawasan tertentu kepada sempadan iaitu merangkumi pelabuhan Lembah Klang di bahagian barat, menghampiri lebuh raya Karak di sebelah timur, Selayang di utara dan Banting di selatan.<sup>14</sup>

## 2.3 OBJEKTIF PENYELIDIKAN

Penyelidikan ini adalah sebahagian daripada keperluan untuk mendapatkan ijazah Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam. Di samping itu antara tujuan penyelidikan ini dijalankan adalah seperti berikut:

- i) Menjelaskan kepada umum khususnya kepada pendakwah-pendakwah tentang konsep pengurusan dakwah yang sebenarnya berlandaskan perspektif al Quran dan sunnah amalan Rasulullah s.a.w.
- ii) Memastikan pengurusan dakwah serta pelaksanaannya terutama dalam usaha membanteras gejala murtad adalah diurus mengikut kaedah dan pendekatan yang telah diperkenalkan oleh Rasulullah s.a.w.

---

<sup>14</sup> Dewan Bandaraya Kuala Lumpur *A Study On Integrated Urban Transport Strategies For Enviroment International Surri Keiku*, Co, L.TD, (1997), hal 35

- iii) Menggalakkan umat Islam secara keseluruhannya agar melibatkan diri secara lebih serius dan berkesan dalam bidang dakwah terutamanya dalam rangka membasmi gejala murtad.
- iv) Menganalisa rahsia kejayaan dakwah pada awal Islam dalam usaha mereka membendung gejala murtad untuk diselaraskan dengan perkembangan dakwah Islamiah pada hari ini.
- v) Disertasi ini diharapkan menjadi asas utama ke arah agenda bertindak secara praktikal dalam usaha membendung fenomena murtad terutamanya di Lembah Klang.

## 2.2 SKOP PENYELIDIKAN

Penumpuan skop penyelidikan disertasi ini adalah kepada perkara-perkara berikut:

- i) Mengkaji pelaksanaan dakwah yang dilaksanakan oleh institusi-institusi dakwah yang utama di Lembah Klang seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Jabatan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dalam usaha mereka membendung gejala murtad di Lembah Klang.

- ii) Penyelidikan ini juga menfokuskan kepada fenomena murtad di Lembah Klang dengan membuat kajian terhadap angka dan stastistik murtad serta latarbelakang peribadi mereka melalui melalui metodologi dokumentasi dan interview.
- iii) Penumpuan penyelidikan ini juga ialah dengan membuat perbandingan tentang cara pendekatan dan perlaksanaan dakwah yang dijalankan oleh institusi-institusi dakwah yang dikaji serta melihat aspek-aspek kelebihan dan kekurangan bertujuan merumuskan satu kaedah terbaik tentang pengurusan dakwah dalam usaha membendung masalah murtad.

## 2.4 METODOLOGI PENYELIDIKAN

Dalam menghasilkan satu kajian ilmiah, metodologi penyelidikan memainkan peranan yang amat penting. Ini kerana kualiti sesuatu penyelidikan bergantung kepada ketepatan penggunaan metod-metod yang sesuai dengan objektif serta tujuan penyelidikan.

Perkataan metodologi bererti” Sains (ilmu pengetahuan) bagi mencari jawapan.<sup>15</sup>” Ia berasal daripada perkataan Yunani yang terdiri dari dua suku kata iaitu *metodos* bererti cara atau jalan<sup>16</sup> dan *logos* bermaksud kajian tentang atau ringkasnya sains<sup>17</sup>.

15 Ahmad Mahdzan Ayub, *Kaedah penyelidikan Sosioekonomi: Suatu Pengenalan*, (1985), Kuala Lumpur: DBP, hal 9.

16 Koentjaraningrat, *Metode-Metode Penyelidikan Masyarakat*, (1986), cet 8, Jakarta: Penerbit P.T Gramedia, hal. 7

17 Rusli bin Abd. Ghani, “*Peristilahan Legasi Hippocrates Ars Longga, Vita Brevis*”, (tt), Pelita Bahasa, Kuala Lumpur: DBP, Nov. 1989, hal. 25.

Dari sini metodologi bererti ilmu tentang cara atau prosedur yang tertentu bagi memahami sesuatu penelitian dan kajian agar hasil yang diperolehi menepati kehendak ilmiah serta boleh dipertanggungjawabkan.<sup>18</sup>

Kajian ini akan menggunakan dua metod utama penyelidikan, iaitu metod pengumpulan data dan metod menganalisa data. Dalam metod menganalisa data penulis akan menggunakan tiga metod iaitu:

- a) Metod Induktif: iaitu suatu kaedah penganalisaan data menerusi proses penarikan kesimpulan dari hal-hal yang bersifat khusus kepada kenyataan yang bersifat umum<sup>19</sup>. Metode ini banyak digunakan terutamanya pada bab kedua dan ketiga.

Sebagai contoh, pada bab yang kedua penulis cuba menyingkap dua persoalan utama yang menjadi teras kepada disertasi ini, iaitu persoalan dakwah dan murtad. Kebanyakan data-data diperolehi melalui kertas kerja, temubual, borang kaji selidik serta karya-karya penulisan yang telah ditulis oleh tokoh-tokoh ilmuwan dalam bidang masing-masing. Melalui data-data yang khusus tersebut, penulis akan membuat analisa sehingga membentuk satu generalisasi, iaitu satu kesimpulan yang umum dan menyeluruh terhadap data-data tersebut. Maka melalui kesimpulan yang bersifat umum tersebut penulis akan merumuskan kesimpulan yang bersifat lebih khusus.

---

<sup>18</sup> Peter, A. Angeles, *A Dictionary of Philosophy*, London: Harper and Row Publishers. (1981), hal. 171.

<sup>19</sup> *Ibid*, hal. 132. Lihat juga: Henry L. Manheim and Bredley A. Simon, *Sociological Research: Philosophy and Methods*, (1977), Illinois: The Dorsey Press, hal. 61.

b) Metod Deduktif. Iaitu cara menganalisa dan melakukan penulisan yang berdasarkan kepada pola berfikir yang mencari kebuktian dengan berpijak kepada dalil umum terhadap hal-hal khusus<sup>20</sup>. Metod ini banyak digunakan pada bab yang ketiga.

Sebagai contoh, pada bab yang ketiga penulis telah berjaya menemui satu kesimpulan dan jawapan umum terhadap kajian yang dijalankan mengenai peranan institusi-institusi dakwah dalam usaha mereka menangani masalah murtad di Lembah Klang. Seterusnya penulis cuba mengklasifikasi secara objektif terhadap jawapan-jawapan umum tersebut dengan mengfokuskan kepada tiga asas utama. Pertama, mengkaji setiap latarbelakang terhadap penubuhan institusi-institusi dakwah tersebut serta melihat kesannya terhadap usaha-usaha yang dijalankan dalam membendung gejala murtad dari terus berlaku. Kedua, ialah menganalisis perancangan dan usaha yang dijalankan oleh institusi-institusi dakwah tersebut, samada yang bersifat visi maupun misi. Dalam masa yang sama penulis cuba menyingkap keberkesanan terhadap usaha tersebut.

Ketiga, penulis menganalisa masalah-masalah yang dilalui oleh institusi-institusi dakwah yang dikaji sepanjang usaha mereka untuk menangani masalah murtad. Melalui masalah-masalah tersebut, penulis akan cuba mencadangkan beberapa cadangan serta agenda bertindak yang harus dilaksanakan oleh institusi-institusi dakwah berkenaan bagi mengatasi masalah tersebut. Cadangan terhadap masalah

---

20 Abd. Halim Hj. Mat Diah, (Dr), *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*, (1987), Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, AIUM, hal. 13

21 *Ibid*, hal. 136

tersebut adalah berpandukan kepada keseluruhan usaha yang telah dilaksanakan oleh institusi-institusi dakwah tersebut.

c) Metod Komparatif. Iaitu membuat analisa kesimpulan dengan melakukan perbandingan-perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi dalam masa penelitian dilakukan. Ia digunakan di dalam bab ketiga dan keempat.<sup>21</sup>

Sebagai contoh penulis akan membandingkan usaha-usaha yang dijalankan oleh setiap institusi-institusi dakwah. Melalui metode komparatif tersebut, penulis yakin akan memperolehi jawapan yang lebih konkrit dan mantap dalam mencari jawapan samada terhadap strategi, cara bekerja mahupun kesan yang dijalankan oleh setiap institusi dakwah yang dikaji. Manakala pada penghujung analisis tersebut, penulis akan membuat satu kesimpulan yang lebih terhad dan bersifat khusus serta membuat suatu rumusan terhadap keberkesanan dan sumbangan institusi dakwah yang dikaji khusus bagi menangani masalah murtad

## 2.6 SISTEMATIKA PENULISAN

Sistematika penyelidikan bagi penulisan penyelidikan ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu bahagian permulaan, bahagian teks dan bahagian akhir. Bahagian permulaan mengandungi halaman judul, halaman pengesahan, halaman pengakuan, motto, dedikasi, jadual transliterasi, senarai kependekan, penghargaan, abstrak, abstract, daftar isi, daftar lampiran dan pendahuluan.

Bahagian isi:

Bahagian isi terdiri daripada lima bab yang disusun secara sistematik:

### A) **BAB I:**

Pada bab pertama ini merangkumi tentang latarbelakang kajian, pengertian tajuk, kepentingan kajian, objektif kajian, metodologi penyelidikan serta sistematika penulisan.

### B) **BAB II:**

Pada bab yang kedua penulis membentangkan definisi serta latarbelakang pengertian dakwah dan pengurusannya serta pengenalan murtad. Tumpuan kepada bab ini ialah dengan melihat sejauhmanakah konsep dakwah yang berjaya serta soal-soal yang berkait dengan mekanisme dakwah terutamanya dalam konteks pengurusan dakwah yang cemerlang. Begitu juga penulis mengemukakan kajian tentang konsep murtad dan ruanglingkupnya berdasarkan perspektif Islam serta perbincangannya oleh *fuqaha'* seterusnya dipadukan fenomena tersebut dengan realiti yang sedang menimpa umat Islam di Lembah Klang.

### C) **BAB III:**

Pada bab yang ketiga ini penulis membincangkan tentang institusi-institusi dakwah yang utama di Lembah Klang sebagai objektif kajian. Institusi-institusi berikut ialah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Kajian tersebut meliputi kepada latarbelakang serta objektif penubuhan, visi dan misi organisasi serta program-program yang dilaksanakan samaada yang melibatkan soal dakwah secara umum ataupun program khusus dalam soal-soal yang berkaitan dengan gejala murtad.

Penulis juga mengkaji secara mendalam terhadap program-program dari sudut pengurusan dakwah khususnya dalam usaha mereka untuk menangani masalah murtad. Penulis juga membuat kajian perbandingan dengan melakukan analisa perbandingan di antara sesebuah institusi dengan satu institusi yang lain. Seterusnya penulis membuat kesimpulan umum terhadap usaha yang telah dilaksanakan dari segi keberkesannya.

**D) BAB IV:**

Bab yang keempat menjelaskan hasil kajian terhadap kejayaan yang telah dicapai oleh institusi-institusi dakwah berkenaan dalam menangani masalah murtad. Ia juga menghuraikan aspek keberkesanan pengurusan dakwah yang telah dilaksanakan secara kolektif.

**E) BAB V:**

Pada bab yang kelima pula dimuatkan dengan kesimpulan dan cadangan untuk memantapkan bentuk dan pengurusan dakwah terutamanya dalam rangka membasmi gejala murtad yang berlaku di Lembah Klang. Seterusnya pada bahagian yang terakhir penulis menyenaraikan bibliografi dan lampiran-lampiran berkenaan yang berkaitan dengan disertasi ini.